



# NOTIS PRIVASI

## NOTIS PRIVASI

Notis Privasi ini dikeluarkan oleh AmMetLife Takaful Berhad ('AmMetLife Takaful')

Sebahagian daripada urusan harian, kami mengumpul Maklumat Peribadi anda apabila anda memohon untuk melanggan mana-mana produk atau perkhidmatan kami atau berkomunikasi dengan kami. Sehubungan itu, kami mungkin menggunakan maklumat ini untuk memaklumkan anda mengenai produk atau perkhidmatan kami, mengemaskini rekod kami atau menghantar maklumat yang relevan kepada anda.

Di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ('APDP'), kami dikehendaki untuk memaklumkan anda:

- (i) mengenai jenis Maklumat Peribadi yang kami kumpulkan serta cara kami mengumpul Maklumat Peribadi tersebut;
- (ii) cara kami menggunakan Maklumat Peribadi anda;
- (iii) pihak-pihak yang kami dedahkan Maklumat Peribadi anda;
- (iv) pilihan-pilihan anda mengenai tahap Maklumat Peribadi yang anda berikan;
- (v) perbezaan antara maklumat yang dianggap mandatori atau pilihan; dan
- (vi) cara anda mengakses dan mengemaskini Maklumat Peribadi anda.

Privasi anda adalah penting kepada kami dan kami komited untuk melindungi Maklumat Peribadi anda dengan pengumpul dan menggunakan Maklumat Peribadi anda menurut APDP.

Untuk tujuan Notis Privasi ini, sila ambil perhatian bahawa:

- "**Kumpulan AmBank**" merujuk kepada AMMB Holdings Berhad dan semua anak-anak syarikatnya dan syarikat-syarikat bersekutu yang secara langsung dan tidak langsung, termasuk, tetapi tidak terhad kepada: AmBank (M) Berhad, AmIslamic Bank Berhad, AmInvestment Bank Berhad, AmInvestment Group Berhad, AmInvestment Services Berhad, AmFutures Sdn Bhd, AmCard Services Berhad, AmGeneral Insurance Berhad dan AmMetLife Insurance Berhad.
- "**MetLife**" merujuk kepada MetLife Holdings Inc. dan semua anak-anak syarikatnya yang secara langsung dan tidak langsung, syarikat-syarikat gabungan dan syarikat-syarikat berkaitan termasuk, tetapi tidak terhad kepada AmMetLife Takaful Berhad.
- "**Maklumat Peribadi**" merujuk kepada apa-apa maklumat yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan anda dan/atau transaksi anda dengan kami. Maklumat ini termasuk nama anda, nombor kad pengenalan, alamat, pekerjaan, butiran untuk menghubungi anda, butiran akaun anda, jenis-jenis produk dan/atau perkhidmatan yang dilanggan dan maklumat-maklumat lain yang perlu mengenai diri anda dan transaksi anda termasuk Maklumat Peribadi Sensitif.
- "**Maklumat Peribadi Sensitif**" merujuk kepada maklumat yang berkaitan dengan kesihatan anda, kepercayaan agama dll.

### 1. Jenis Maklumat Peribadi Yang Kami Kumpulkan Serta Cara Kami Mengumpulnya

Untuk membolehkan kami menjawab pertanyaan anda, membuka dan mengendalikan pelan Takaful untuk anda atau menawarkan produk dan perkhidmatan kami kepada anda, kami mungkin perlu mengumpul, mengguna, mendedah dan menyimpan (iaitu "memproses") Maklumat Peribadi dan/atau maklumat kewangan anda. Maklumat peribadi dan/atau kewangan tersebut diperlukan antara lain untuk:

- a. mengesahkan identiti peribadi dan latar belakang anda;
- b. mengesahkan kedudukan kewangan dan kepercayaan kredit anda di mana perlu;
- c. mengesahkan keadaan kesihatan anda jika anda ingin mendapatkan pelan Takaful yang ditawarkan oleh kami; dan/atau
- d. membekalkan anda dengan mana-mana produk dan/atau perkhidmatan kami yang dipohon.

Kami mungkin mengumpul Maklumat Peribadi Sensitif berkaitan dengan kesihatan apabila anda memohon produk takaful keluarga atau takaful gadai janji bagi pembiayaan perumahan anda.

Kami juga akan mendapatkan Maklumat Peribadi anda dari sumber-sumber yang berikut:

- a. Perhubungan anda dengan kami, contohnya maklumat yang diberikan oleh anda dalam borang permohonan apabila anda memohon untuk produk atau perkhidmatan kami, apabila menyertai pelan Takaful, apabila menggunakan perkhidmatan dalam talian (online) atau elektronik kami, apabila mengambil bahagian dalam kaji selidik pelanggan, pertandingan, dan promosi;
- b. Komunikasi lisan, bertulis dan/atau elektronik anda dengan kami dan/atau ejen kami yang sah;
- c. Pihak ketiga yang berkaitan dengan anda, seperti majikan, pemegang sijil bersama, rakan-rakan kongsi anda, atau melalui pelanggan korporat kami, atau penyedia sekuriti korporat di mana anda adalah pengarah, pemegang saham, pegawai atau penandatangani yang dibenarkan;
- d. Analisis dan penyelidikan berkenaan cara anda menggunakan dan menguruskan pelan Takaful anda dengan kami;
- e. Akses dan penggunaan perkhidmatan kami, transaksi yang anda lakukan dan daripada bayaran yang dibuat melalui pelan Takaful anda;
- f. Imej yang diambil dari kamera litar tertutup di cawangan-cawangan kami dan kawasan pejabat mahupun di kawasan pihak ketiga (di mana terminal layan diri kami ditempatkan), apabila anda melawat cawangan-cawangan atau menggunakan terminal layan diri kami di premis pihak ketiga;
- g. Agensi pelaporan kredit dan sumber-sumber awam yang boleh didapati melalui carian di pihak berkuasa atau agensi-agensi kerajaan yang berkenaan; dan/atau
- h. Sumber-sumber lain yang mana anda telah memberikan persetujuan anda untuk mendedahkan maklumat berkaitan dengan anda dan/atau di mana ianya tidak dihadkan.

Apabila anda memberikan Maklumat Peribadi berkenaan dengan pihak ketiga kepada kami, seperti waris paling hampir atau penama, anda mengesahkan bahawa persetujuan mereka telah diberi ataupun anda berhak untuk mendedahkan Maklumat Peribadi mereka kepada kami.

Maklumat peribadi yang kami kumpulkan mungkin adalah mandatori atau pilihan. Maklumat Peribadi mandatori mengandungi maklumat anda yang kami perlukan supaya kami dapat menyediakan anda dengan produk dan perkhidmatan yang diperlukan. Sekiranya anda tidak memberikan kami dengan Maklumat Peribadi mandatori, kami tidak akan dapat menyediakan anda dengan produk dan perkhidmatan tersebut. Maklumat Peribadi pilihan mengandungi maklumat anda yang tidak wajib untuk diberikan kepada kami. Jika anda tidak ingin menyediakan Maklumat Peribadi pilihan anda, anda masih boleh memohon untuk produk dan perkhidmatan kami. Maklumat Peribadi mandatori dan pilihan mungkin berbeza untuk pelbagai produk dan perkhidmatan kami dan ini akan dinyatakan di dalam borang permohonan untuk produk dan perkhidmatan kami.

## 2. Bagaimana Kami Menggunakan Maklumat Peribadi Anda

Selain daripada yang dinyatakan di atas, kami mungkin menggunakan Maklumat Peribadi anda untuk satu atau lebih daripada tujuan berikut:

- a. Untuk menilai kelayakan atau kesesuaian produk-produk yang dipohon oleh anda dan untuk mengesahkan identiti dan kedudukan kewangan anda menerusi semakan rujukan kredit;
- b. Untuk memaklumkan anda dengan maklumat terkini seperti penambahbaikan dan ciri-ciri baru kepada produk dan perkhidmatan yang sedia ada, pembangunan produk dan perkhidmatan baru, pertandingan, promosi dan tawaran daripada Kumpulan AmBank atau MetLife atau pihak ketiga rakan perniagaan yang mungkin menarik minat anda;
- c. Mengurus dan mengekalkan pelan Takaful anda melalui pengemaskinian yang kerap, penyatuan dan meningkatkan ketepatan rekod kami. Dengan cara ini kami boleh membalas pertanyaan, aduan anda dan secara amnya menyelesaikan pertikaian dengan pantas supaya kami boleh meningkatkan perniagaan kami dan hubungan anda dengan kami;
- d. Menjalankan penyelidikan untuk tujuan analisis, pengumpulan data dan analisis transaksi/penggunaan produk dan perkhidmatan oleh anda untuk lebih memahami kedudukan kewangan/pelaburan terkini anda serta keperluan masa hadapan. Kami juga akan menghasilkan data, laporan dan statistik dari masa ke semasa, bagaimanapun maklumat tersebut akan diagregat supaya identiti anda akan kekal sulit;
- e. Mematuhi keperluan mana-mana undang-undang dan peraturan-peraturan yang mengikat kami seperti mengadakan pemeriksaan anti-pengubahan wang haram, pengesanan/pencegahan jenayah, pendakwaan, perlindungan dan sekuriti;

- f. Penguatkuasaan hak kami untuk mendapatkan apa-apa yang terhutang kepada kami termasuk memindahkan atau menyerahkan, kepentingan dan obligasi kami di bawah mana-mana perjanjian anda dengan kami;
- g. Melaksanakan perkhidmatan perkongsian (*shared services*) dalam Kumpulan AmBank atau MetLife seperti audit, pematuhan, perundangan, sumber manusia, kewangan dan pengurusan risiko;
- h. Penyumberan luar perniagaan dan operasi bilik belakang (*back-room*) dalam Kumpulan AmBank atau MetLife; dan
- i. Apa-apa tujuan lain yang dikehendaki atau dibenarkan oleh mana-mana undang-undang, peraturan-peraturan, garis panduan, kod tataamalan dan/atau pihak berkuasa yang berkaitan.

Kami akan mendapatkan persetujuan anda sebelum menggunakan Maklumat Peribadi anda untuk tujuan selain daripada yang dinyatakan dalam Notis Privasi ini dan/atau dalam terma mana-mana perjanjian anda yang relevan dengan AmMetLife Takaful.

### 3. Pendedahan Maklumat Peribadi Anda

Sebagai sebahagian daripada penyediaan produk dan perkhidmatan kami kepada anda, kami mungkin diperlukan untuk mendedahkan maklumat mengenai anda dan/atau akaun, fasiliti dan/atau pelan-pelan Takaful anda dengan kami kepada pihak-pihak ketiga seperti berikut:

- a. ejen-ejen dan pembekal perkhidmatan kami yang membantu kami dalam pemprosesan, pentadbiran, memenuhi transaksi atau menyediakan perkhidmatan kepada anda bagi pihak kami, atau bagi memenuhi tambah nilai yang diminta oleh anda;
- b. penasihat profesional luar dan konsultan kami yang memberi perkhidmatan kepada kami, bagi tujuan perniagaan, operasi, undang-undang dan keperluan pengawal-seliaan;
- c. mana-mana pihak yang diberi kuasa atau dilantik oleh anda untuk memberi arahan kepada kami bagi pihak anda seperti ejen, akauntan, juruaudit, peguam, penasihat kewangan, broker dan pengantara anda;
- d. mana-mana pihak yang berkaitan dengan penguatkuasaan atau pemeliharaan mana-mana hak kami atau pemindahan hak-hak, kepentingan dan obligasi di bawah perjanjian anda dengan kami;
- e. mana-mana pihak ketiga yang terlibat dalam penyerahan hak sijil takaful anda dengan kami, penjualan hutang, pemerolehan atau penjualan mana-mana syarikat oleh Kumpulan AmBank atau MetLife dengan syarat penerima menggunakan maklumat anda untuk tujuan yang sama ia pada asalnya diberikan kepada kami dan/atau digunakan oleh kami;
- f. institusi kewangan yang lain bagi tujuan memenuhi transaksi yang diperlukan oleh anda;
- g. broker Takaful, pengendali takaful semula dan sekiranya berlaku keingkaran terhadap fasiliti yang diberikan kepada anda, kepada agensi-agensi kutipan hutang;
- h. daripada syarikat Kumpulan AmBank atau MetLife di mana anda pada awalnya telah memohon produk atau perkhidmatan, bagi tujuan memasarkan produk atau perkhidmatan yang mungkin menarik minat anda; dan/atau
- i. mana-mana pihak berkuasa dan/atau pengawal selia, bagi pelaksanaan fungsi mereka yang tertakluk pada setiap masa kepada sebarang undang-undang, (termasuk peraturan-peraturan, piawaian-piawaian, garis panduan dan/atau kewajipan) yang berhubung kait dengan Kumpulan AmBank atau MetLife.

Maklumat Peribadi anda mungkin akan dipindahkan ke Luar Malaysia:

- a. ke negara-negara atau bidangkuasa yang dibenarkan secara khusus di bawah APDP;
- b. apabila anda memberi persetujuan untuk memindahkan Maklumat Peribadi anda ke luar Malaysia;
- c. bagi memenuhi transaksi yang dipohon oleh anda;
- d. apabila pemindahan adalah perlu bagi memenuhi kontrak di antara kami dan pihak ketiga di luar Malaysia, yang mana kontrak tersebut dibuat atas permohonan anda;
- e. apabila vendor atau pembekal perkhidmatan menyediakan pelbagai jenis perkhidmatan kepada kami (termasuk perkhidmatan penyimpanan data), yang terletak di luar Malaysia, di mana kami akan mengambil tanggungjawab berjaga-jaga bagi memastikan vendor atau pembekal perkhidmatan tersebut mempunyai kemudahan teknikal dan langkah-langkah keselamatan organisasi untuk melindungi Maklumat Peribadi;
- f. bagi tujuan prosiding undang-undang di luar Malaysia dan untuk kami memperoleh nasihat undang-undang atau untuk mempertahankan hak kami di sisi undang-undang; atau
- g. apabila anda tertakluk kepada undang-undang negara luar, Maklumat Peribadi anda mungkin akan didedahkan kepada pihak berkuasa atau kawal selia di negara berkenaan.

Sebaliknya, kami tidak akan mendedahkan maklumat anda kepada sesiapa, kecuali di mana:

- a. anda telah memberikan persetujuan secara nyata untuk kami mendedahkan Maklumat Peribadi anda (tidak termasuk maklumat kewangan) kepada pihak ketiga perikatan strategik kami atau rakan perniagaan bagi tujuan pemasaran produk dan perkhidmatan mereka kepada anda;
- b. anda telah memaklumkan kepada kami bahawa anda tidak mahu menerima bahan pemasaran daripada kami;
- c. kami dikehendaki atau dibenarkan untuk berbuat demikian oleh undang-undang;
- d. kami dikehendaki atau dibenarkan oleh mana-mana perintah mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa, sama ada kerajaan atau separa-kerajaan yang mempunyai bidang kuasa ke atas Kumpulan AmBank atau MetLife;
- e. kami mungkin memindahkan hak, kepentingan dan obligasi di bawah perjanjian-perjanjian kami dengan anda; dan/atau
- f. kami diperlukan untuk memenuhi kewajipan kami kepada mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan.

Harap maklum, bahawa pada setiap masa, kami akan sentiasa menghormati dan melindungi privasi dan merahsiakan maklumat peribadi anda.

#### 4. Keselamatan Maklumat Peribadi Anda

Kami meletakkan kepentingan yang amat tinggi dalam memastikan keselamatan dan rahsia Maklumat Peribadi anda dan kerap mengkaji semula dan melaksanakan pengemaskinian langkah-langkah keselamatan teknikal dan organisasi apabila memproses Maklumat Peribadi anda. Maklumat lanjut mengenai kawalan keselamatan boleh didapati di Penyata Keselamatan Laman Web kami di [www.ammeflifetakaful.com](http://www.ammeflifetakaful.com).

#### 5. Penyimpanan Maklumat Peribadi

Maklumat Peribadi anda akan disimpan selaras dengan Notis Privasi ini dan/atau terma dan syarat perjanjian anda dengan mana-mana syarikat Kumpulan AmBank atau MetLife bagi tempoh perhubungan anda atau tempoh yang diperlukan untuk melindungi kepentingan kedua-dua Kumpulan AmBank atau MetLife dan anda. Penyimpanan tersebut juga adalah diperlukan di mana ianya dikehendaki oleh undang-undang atau mengikut dasar-dasar dalaman kami.

#### 6. Hak Anda Untuk Mengakses Dan Membetulkan Maklumat Peribadi

Jika anda ingin mengakses dan/atau membuat pembetulan kepada Maklumat Peribadi anda, anda boleh membuat permohonan melalui Borang Permohonan Mengakses dan Pembetulan Data Peribadi kami. Borang ini boleh didapati di kesemua cawangan kami dan juga laman web kami, [www.ammeflifetakaful.com](http://www.ammeflifetakaful.com) dan kami akan berusaha untuk mematuhi permintaan anda untuk mengakses dan/atau membetulkan Maklumat Peribadi anda dalam tempoh 21 hari dari penerimaan permintaan anda yang lengkap dan yuran pemprosesan yang berkaitan.

Sila ambil perhatian bahawa kami mungkin perlu menahan akses kepada Maklumat Peribadi anda dalam keadaan tertentu, contohnya apabila kami tidak dapat mengesahkan identiti anda, di mana maklumat yang diminta bersifat komersial yang sulit atau sekiranya terdapat permintaan berulang kali untuk maklumat yang sama. Walau bagaimanapun, kami akan memberitahu anda akan sebab-sebab kami tidak dapat memenuhi permintaan anda. Kami juga boleh meminta untuk dokumen keterangan yang lanjut untuk mengelakkan sebarang kejadian penipuan (*fraud*) dan/atau maklumat yang tidak tepat.

Untuk membolehkan kami memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada anda, kami memohon bantuan anda untuk sentiasa mengemaskini Maklumat Peribadi anda.

## 7. Membuat Pilihan Berkaitan Pendedahan Dan Penggunaan Maklumat Peribadi Anda Untuk Tujuan Pemasaran

Anda boleh membuat pilihan berkenaan dengan pendedahan dan penggunaan Maklumat Peribadi anda dengan kami. Sekiranya anda memilih untuk tidak menerima apa-apa bahan pemasaran daripada kami atau daripada mana-mana rakan kongsi perniagaan pihak ketiga kami, anda boleh sama ada (i) menghubungi kami di maklumat perhubungan yang diberikan di bawah; atau (ii) dengan memilih untuk memilih-keluar daripada menerima bahan pemasaran, iaitu pilihan yang disediakan di dalam borang permohonan/cadangan produk atau perkhidmatan kami.

Sila ambil perhatian bahawa:

- tanpa mengira pilihan yang anda buat dalam perkara di atas, anda masih boleh menghubungi kami melalui saluran yang disediakan di bawah untuk menukar pilihan anda. Pilihan terkini yang disampaikan kepada kami akan diguna pakai. Kami akan mengemaskini keutamaan pemasaran terkini anda dalam pangkalan data kami dalam tempoh yang munasabah selepas kami menerima maklum balas pilihan anda;
- kami mungkin tidak akan dapat menghapuskan Maklumat Peribadi anda dari pangkalan data rakan kongsi perniagaan kami, iaitu pihak ketiga yang kami telah berkongsi Maklumat Peribadi anda, apabila anda telah memberi persetujuan sebelum ini;
- komunikasi tertentu seperti penyata akaun, surat-menyurat dan laman web kami mungkin mengandungi maklumat asas mengenai produk dan perkhidmatan kami yang lain yang tidak boleh dikeluarkan tanpa menjejaskan penghantaran/penyediaan perkhidmatan dan/atau produk kami, pengendalian akaun dan/atau fasiliti anda dengan kami, dan/atau tanpa kos tambahan kepada anda.

## 8. Pindaan Kepada Notis Privasi

Notis Privasi kami boleh dipinda dari masa ke semasa dan jika ada/terdapat sebarang pindaan, ia akan dipaparkan di laman web dan/atau apa-apa cara komunikasi yang dianggap sesuai oleh kami. Walau bagaimanapun, apa-apa pindaan akan mematuhi APDP.

## 9. Pertanyaan/Aduan

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau aduan berkaitan dengan Notis Privasi ini, anda boleh menghubungi:

### Pengurus Pusat Perkhidmatan Pelanggan

No. Tel. : 1 300 22 9777

Alamat Surat-Menyurat: AmMetLife Takaful Berhad,  
Pusat Perkhidmatan Pelanggan  
Tingkat 23, Menara 1 Sentrum,  
No. 201, Jalan Tun Sambanthan,  
50470, Kuala Lumpur

Alamat E-Mel : [customercare@ammelifetakaful.com](mailto:customercare@ammelifetakaful.com)

Dikemaskini pada 9 Oktober 2015